



300 pekerjaan ditawarkan Ascott Malaysia

Oleh Rohaniza Idris - Julai 5, 2022 @ 6:26pm
roha@bh.com.my



Fahmi (dua kiri) bersama Anita (dua kanan) dan Warren (kanan) melancarkan program Ascott membantu golongan B40 mendapatkan pekerjaan di Centrio Pantai Hillpark, Kuala Lumpur, hari ini. NSTP/ASWADI ALIAS.

KUALA LUMPUR: Sebanyak 300 kerja kosong daripada pelbagai peringkat perjawatan ditawarkan The Ascott Limited (Ascott) dalam bidang hospitaliti dan perhotelan untuk warga tempatan yang sedang mencari pekerjaan terutama dalam kalangan kumpulan B40.

Pengarah Sumber Manusia Ascott Malaysia, Anita Selvi, berkata buat permulaan sebanyak 150 jawatan ditawarkan untuk pencari kerja di ibu negara dengan pengambilan pekerja secara terus melalui sesi temuduga terbuka dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Kerja dan Latihan Lembah Pantai.

Katanya, sesi temuduga terbuka itu diadakan selama lima jam untuk penduduk sekitar Parlimen Lembah Pantai dalam usaha syarikat itu membantu pencari kerja dalam kumpulan B40 mendapatkan pekerjaan.

"Selain tawaran kerja terus bagi mereka yang lulus temuduga pada sesi terbuka hari ini, Ascott juga membuka tawaran kerja secara dalam talian dan menghebahkan sesi temuduga terbuka melalui pelbagai saluran media massa dan media sosial.

"Selain tawaran kerja, Ascott juga memberi latihan bagi meningkatkan lagi kemahiran kerja kepada mereka yang diterima bekerja serta pendidikan tambahan bagi meluaskan potensi kerjaya," katanya ditemui selepas pelancaran Temuduga Terbuka, Latihan dan Pendidikan Ascott di sini, hari ini.

Pelancaran disempurnakan Ahli Parlimen Lembah Pantai, Fahmi Fadzil. Turut hadir Pengarah Komunikasi Pemasaran Ascott, Warren Fernandez.

Kempen yang sama akan diteruskan pada Ogos nanti dengan menumpukan kawasan perumahan rakyat di sekitar Parlimen Lembah Pantai.

Sementara itu, Fahmi berkata, memandangkan sambutan kurang memberangsangkan, pihaknya bersama Ascott akan menukar pendekatan termasuk memilih lokasi dan masa lebih sesuai untuk menarik lebih ramai menghadiri temuduga terbuka itu.

Katanya, bidang hospitaliti dan perhotelan satu pekerjaan yang bukan saja dapat mengasah bakat untuk orang muda berkomunikasi dengan orang awam, malah membantu melahirkan pekerja dalam sektor pengurusan.

"Dari segi pembangunan kerjaya, bidang hospitaliti dan pengurusan kediaman serta perhotelan mempunyai potensi yang luas terutama dengan adanya kemajuan komunikasi dan teknologi.

"Justeru, saya menyeru warga Lembah Pantai dan orang muda serta lepasan sekolah yang sedang mencari kerja mengambil peluang ini dan menjadikan bidang pekerjaan ini sebagai permulaan mendapatkan pengalaman mencebur ke sektor pekerjaan," katanya.